

**NO SOALAN : 58**

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB DATUK RAIME BIN UNGGI  
(TENOM)**

**TARIKH : 25.3.2015  
(RABU)**

**SOALAN:**

Minta MENTERI PERTAHANAN menyatakan keperluan Angkatan Tentera Malaysia (ATM) untuk memperoleh kenderaan kusyen udara (ACV) atau hoverkraf sebagai aset yang mampu meningkatkan kecekapan logistik ketenteraan terutama dalam misi bantuan ketika banjir.

## **JAWAPAN:**

**Tuan Yang di-Pertua,**

**Angkatan Tentera Malaysai (ATM) sememangnya mempertimbangkan aset-aset yang bukan sahaja boleh mempertingkatkan keupayaan dan kecekapan logistiknya tetapi juga aset-aset yang dikategorikan sebagai aset pelbagai guna. Kenderaan Kusyen Udara (ACV) atau Hoverkraf mahu pun aset yang hampir sama fungsinya seperti *Airboat* juga turut dipertimbangkan. Namun setiap aset yang ingin diperolehi perlu mengambil kira pelbagai aspek seperti kepelbagaian fungsi, kapasiti *payload*, kesesuaian muka bumi, kelasakan, harga, kos senggaraan dan kemampuan kewangan. Aspek-aspek ini perlu diberikan perhatian untuk menentukan Pulangan Pelaburan (ROI) yang tinggi bagi setiap perolehan aset serta memenuhi keperluan operasi ATM.**